

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Tahun Ketiga Dalam Sains Farmasi

Peperiksaan Semester Tambahan

Sidang 1985/86

FFP 361.00 - Farmasi Forensik

Tarikh: 22 Jun 1987

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tgh.  
(3 jam)

---

Kertas ini mengandungi ENAM soalan.

Jawab SEMUA soalan.

Semua soalan mesti dijawab dalam Bahasa Malaysia.

...2/-

Soalan I

Dengan merujuk kepada Ordinan Pendaftaran Ahli Farmasi, 1951, tuliskan apa yang anda ketahui mengenai "Sijil Perakuan Pengekalan Tahunan" ("Annual Retention Certificate").

(4 markah)

- (a) Di dalam keadaan apakah Lembaga boleh membatalkan "Sijil Perakuan Pengekalan Tahunan" seseorang ahli farmasi?

(6 markah)

- (b) Apakah prosedur-prosedur yang diperuntukan di bawah Ordinan yang perlu diikuti oleh Lembaga untuk membatalkan "Sijil Perakuan Pengekalan Tahunan" seorang ahli farmasi di atas sebab-sebab tata-tertib?

(6 markah)

...3/-

2. Dengan merujuk kepada Ordinan Racun 1952, tuliskan apa yang anda ketahui mengenai:
- (a) Penjualan racun secara borong (8 markah)
  - (b) Pelabelan racun yang dijual secara borong (8 markah)
3. Apakah yang anda faham mengenai "Pegawai Pelesenan" dan "Pegawai Penguatkuasa Drug" mengikut Ordinan Racun 1952? Apakah kuasa-kuasa Pegawai Pelesenan dan Pegawai Penguatkuasa Drug seperti yang diperuntukkan di dalam Ordinan. Apakah jenis-jenis lesen yang boleh dikeluarkan oleh pegawai pelesenan? Apakah peruntukan-peruntukan ordinan mengenai pendakwaan dan denda-denda bagi kesalahan terhadap Ordinan tersebut?
- (18 markah)

...4/-

Soalan IV

Andaikan anda ialah seorang ahli farmasi berdaftar dan superintenden sebuah kedai farmasi. Di dalam urusan perniagaan anda, anda dikehendaki melakukan perkara berikut:

- (a) Sebuah hospital swasta menalipon dan meminta dibekalkan 10 ampul Morfina Hidroklorida 15 mg.
  
- (b) Seorang pelanggan utama anda yang merupakan seorang pengilang sabun meminta nasihat anda mengenai bagaimana dia boleh mengimport 5 ton natrium hidroksida dari Jepun untuk membuat sabun.
  
- (c) Kiriman (consignment) sebuah peti kayu yang mengandungi 12 x 4 liter Linktus Kodein dengan menggunakan lori kepada seorang pelanggan yang tinggal kira-kira 100 batu jauhnya.

Terangkan bagaimana anda akan melaksanakan fungsi di atas dan nyatakan nasihat-nasihat yang anda perlu berikan secara profesional.

(18 markah)

Soalan V

Sebuah syarikat ingin memperbagaikan perniagaan kepada perniagaan farmaseutikal dengan tujuan mengilang hasilan-hasilan farmaseutikal. Di antara hasilan-hasilan yang ingin dikeluarkan adalah seperti berikut:

- (a) Kapsul Difenilhidramin B.P.
- (b) Linimen Terpentin B.P.
- (c) Tablet Prednisolon B.P.
- (d) Emulsi Cecair Parafin dan Fenolftalin B.P.
- (e) Krim Gentamisin B.P.

Terangkan prosedur yang perlu diikuti oleh syarikat tersebut supaya memenuhi keperluan-keperluan perundangan berikut:

- (i) Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984, mengenai penubuhan kilang mereka dan pengilangan serta penjualan semua hasilan-hasilan tersebut di atas.  
(10 markah)
- (ii) Ordinan Ubat-Ubatan (Pengiklanan dan Penjualan) 1956 mengenai penjualan dan pengiklanan semua hasilan-hasilan tersebut di atas.  
(6 markah)

...6/-

Soalan VI

Andaikan anda seorang ahli farmasi dan mempunyai sebuah kedai farmasi. Seorang budak muda, Encik Y datang kepada anda dengan membawa satu preskripsi untuk pakciknya Encik U. Preskripsi tersebut ditulis oleh seorang pengamal perubatan am Dr. G yang anda kenali. Preskripsi tersebut adalah seperti berikut:-

Encik U

R<sub>x</sub>

Sulphadimidine Tabs. 250 mg 1 t.d.s.	15 Tabs.
Chlorpheniramine Maleate 4 mg 1 q.d.s.	20 Tabs.
Linctus Simplex B.P.C. 1 teaspoon t.i.d.	60 ml.

Terangkan bagaimana anda akan mendispen preskripsi ini dan apakah langkah-langkah atau prosedur-prosedur yang perlu anda ambil untuk memenuhi keperluan-keperluan statut.

(16 markah)